

APA YANG TERJADI?

Pada 27 November 2024, seorang lelaki ditemukan maut dipercayai terkena renjatan elektrik. Difahamkan, ketika kejadian mangsa mahu menutup suis mesin basuh yang berada di depan rumahnya dan ketika itu rumah mangsa sudah dilanda banjir dengan keadaan arus deras. Mangsa yang rebah kemudian dihanyutkan arus banjir di depan rumah mereka. Adik ipar, berkata, kejadian yang menimpa bapa kepada dua anak itu sempat dilihat oleh anak lelakinya berusia sembilan tahun.

PUNCA?

- Ketika sedang basah, rintangan elektrik pada permukaan tersebut menjadi rendah. Ini akan meningkatkan risiko untuk terkena renjatan.
- Suis yang terdapat pada kotak pemutus tidak dimatikan

APA YANG BOLEH DIPELAJARI?

- Jangan melangkah masuk ke dalam bilik yang dimasuki air jika terdapat pelbagai jenis barangan elektrik, wayar dan alur keluar elektrik (electrical outlet).
- Jangan cuba untuk mematikan kuasa melalui kotak pemutus ketika anda sedang berdiri di dalam air.
- Pastikan anda mematikan suis yang terdapat pada kotak pemutus untuk mengelakkan pengaktifan secara mengejut kelak, sewaktu anda tidak bersedia untuk menghidupkan arus.

HAZARD BERKAITAN

- Renjatan elektrik
- Kematian

VOL 14/2024 - DECEMBER 2024

HSSE LESSON LEARNT

BANJIR : MEKANIK MAUT TERKENA RENJATAN ELEKTRIK

